

**DINAMIKA KURUKULUM SRI-SMI
ANTARA IDEAL DAN REALITI**

Bengkel Kurikulum

19 Februari 2001

Oleh:

Nor Zalmiah Jahidin

Pengerusi Jawatankuasa Kurikulum
Lembaga Pengelola
Pusat Pendidikan Al-Amin

di
Dewan Seminar
Kompleks Al-Amin Gombak



Pusat Pendidikan Al-Amin

DINAMIKA KURUKULUM SRI-SMI ANTARA IDEAL DAN REALITI

Oleh:
Nor Zalmiah Jahidin

Sinopsis

Wawasan 2020 telah menggariskan beberapa ciri yang perlu dimiliki oleh masyarakat ketika itu, di antaranya ialah berdaya maju dan berdaya saing untuk membolehkannya muncul sebagai sebuah negara maju. Inovasi serta penemuan baru selaras dengan kemajuan sains dan teknologi telah membawa masyarakat Malaysia hari ini ke era teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Perkembangan ini telah memberi kesan yang besar terhadap Sistem Pendidikan Nasional (SPN) terutama kurikulum. Beberapa subjek baru yang memerlukan kemahiran teknologi dan kreativiti telah diperkenalkan di antara lain ialah teknologi maklumat dan kemahiran berfikir.

Sehubungan dengan itu, kaedah serta teknik pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (P&P) juga telah mengambil pendekatan terkini yang bersesuaian seperti pembelajaran bestari. Persoalannya, bagaimanakah Sistem Pendidikan Islam SRI-SMI (SPI SRI-SMI) harus berperanan dalam era globalisasi dan ledakan maklumat supaya di samping dapat bergerak selari dengan perkembangan sains dan teknologi tetapi masih dapat mengekalkan idealismenya? Adakah pengamal-pengamal SPI SRI-SMI merasa terancam sehingga terpaksa mengorbankan idealisme atau tinggal tetap di dalam kepompong?

Sebenarnya, SPI SRI-SMI tidak boleh lari dari permasalahan global yang berdepan dengannya. Institusi SRI-SMI mesti memastikan bahawa pelajar-pelajarnya akan memainkan peranan yang berpengaruh dan berkesan dalam masyarakat. Tetapi, sebelum sesuatu tindakan diambil, adalah penting untuk difahami bahawa matlamat (*the end*) SPI SRI-SMI masih dan mesti kekal, manakala yang perlu berubah ialah kurikulumnya.

Kurikulum: Antara tradisi dan sekular

Masyarakat umum memahami kurikulum sebagai kandungan ilmu yang membekalkan beberapa kemahiran dan pengalaman yang ditawarkan oleh sesebuah institusi secara formal di dalam dan di luar bilik darjah. Secara tradisi, kurikulum SPI dilihat sebagai tertakluk kepada satu jenis ilmu iaitu *ilm naqli* (ilmu wahyu) sahaja. Manakala dalam pelaksanaan P&Pnya, kaedah serta teknik

moden merupakan sesuatu yang asing di samping, penyampaian ilmu tidak dikaitkan dengan perkembangan dan permasalahan semasa (pembelajaran kontekstual). Sebagai contoh P&P Bahasa Arab rata-rata masih mengekalkan kaedah tradisi walaupun kaedah dan teknik terkini untuk P&P Bahasa Inggeris (yang juga bahasa kedua), sudah meluas.

Selain daripada itu, P&P *fiqh*, *aqeedah*, dan *akhlaq* tidak atau jarang dihubungkan dengan permasalahan semasa. Pelajar-pelajar juga masih ternanti-nanti akan pendedahan kepada P&P, dan *e learning*. Pemerihaln tadi membenarkan bahawa masih wujud unsur dualisme dalam SPI.

Pembelajaran koperatif, iaitu satu bentuk P&P berpusatkan pelajar yang merangkumi aktiviti seperti *peer tutoring*, *team learning*, penyelesaian masalah, dan pembelajaran *output* yang berupaya memberi pengukuhan pemantapan serta kecekapan kepada pelajar adalah di antara kaedah dan teknik terkini yang dilaksanakan dalam P&P kurikulum yang menawarkan *ilm 'aql* (ilmu dapatan) yang berunsur sekular. Sebenarnya, secara tidak langsung, pembelajaran koperatif mampu memupuk sifat bekerjasama, sabar, *ta'awwun*, berkorban, empati, tolong-menolong, dan pemurah kerana sanggup berkongsi/memberi ilmu kepada orang lain.

Sementara itu, sesuatu kurikulum masih dianggap mengekalkan unsur sekularismenya jika di samping menawarkan satu jenis ilmu iaitu *ilm 'aqli* sahaja, penyampaian ilmu itu adalah tidak menurut tasawwur Islam (Islamisasi ilmu tidak berlaku). Sejarah membuktikan bahawa ilmu yang diwarisi dari Barat adalah berasaskan akal dan logik serta fakta yang boleh dilihat semata-mata di samping mengeneipkan unsur metafizika yang merangkumi aspek ketuhanan, hakikat penciptaan alam dan manusia serta alam ghaib. Pelajar-pelajar tidak akan terbentuk jiwanya jika guru-guru tidak berusaha untuk menyampaikan ilmu menurut tasawwur Islam di samping tidak menghubungkan ilmu dengan sumbernya yang hak iaitu Allah swt. Menurut pandangan seorang intelek Muslim, seseorang itu dianggap telah terdidik apabila ia mengetahui kedudukannya di sisi Allah swt iaitu sebagai hamba-Nya.

Pelaksanaan kurikulum yang memberi penekanan kepada satu cabang ilmu semata-mata tidak akan menjamin kejayaan sesuatu Sistem Pendidikan Islam untuk melahirkan satu generasi baru. Satu generasi yang maju dan berdaya saing, berkeyakinan tinggi, mempunyai identiti diri, berjiwa besar, dapat menguasai kedua-dua ilmu dengan mantap serta dilengkapi dengan kebolehan dan kemahiran yang memenuhi tuntutan *fard kifayah* dan cabaran alaf baru, *mujaddid* dan *mujahid*, menyedari kedudukannya sebagai *'abd* dan *khalifah*, soleh wa musleh, di samping layak untuk mendapat rahmat Allah swt di dunia dan di akhirat.

Kurikulum yang ideal

Dengan berbekalkan kefahaman dengan konsep kesepaduan ilmu yang perlu menjadi tunjang SPI SRI-SMI, para intelek Muslim merasa terpanggil untuk memperkemas kurikulum yang ditawarkan di SRI-SMI ketika ini. Di antara yang perlu diberi perhatian yang serius ialah kedudukan *ilmu naqli* sebagai teras (*core*) dan bukan sebagai salah satu subjek yang dipelajari. Ini bermakna mata pelajaran Islam yang ditawarkan di SRI-SMI sekarang perlu diberi kedudukan yang sewajarnya. Justeru dengan kefahaman ini, mereka yang terlibat mestilah menunjukkan sikap dan komitmen yang lebih serius terhadap ilmu teras dari sudut:

- i) Pemilihan kurikulum
- ii) Silibus
- iii) Buku teks
- iv) Buku kerja/buku sumber
- v) Kaedah/teknik P&P
- vi) Penilaian
- vii) Pemantauan berterusan terutama ke atas P&P

SPI SRI-SMI yang memberi keutamaan kepada tujuh perkara di atas bermakna telah berlaku adil kepada ilmu naqli, jika sebenarnya berlaku keberkesanannya boleh dipraktikkan! Penekanan juga mesti dibuat untuk menjadikan P&P ilmu teras itu relevan dengan permasalahan semasa (*'ilm al Waqi'ah*) seperti penklonan, bayi tabung uji, perancang keluarga, bencana alam, pendermaan darah dan organ, amanah saham, ilmu kekeluargaan, masalah sosial, dan sebagainya. Topik-topik ini boleh dijadikan sebahagian daripada silibus atau dikaitkan dengan masalah *fiqh*

Perbincangan di atas memberi implikasi bahawa satu usaha dan komitmen yang bersungguh-sungguh dituntut dari pencinta-pencinta SPI SRI-SMI. Dalam menentukan kurikulum *ilmu naqli*, adakah bermakna satu kurikulum baru dibentuk atau diterima pakai yang sedia wujud seperti yang telah digubal oleh Universiti Al-Azhar atau Yayasan Islam Kelantan? Walau apapun pilihan yang dibuat, langkah selanjutnya ialah memikirkan pula pendekatan dalam P&P untuk menjadikan ilmu itu relevan dalam permasalahan semasa. Di samping itu, perlu difikirkan juga bentuk penilaian dan penyzoalan supaya pelajar-pelajar SRI-SMI adalah terdiri dari generasi yang menghayati dan mengamalkan ilmu di samping mempunyai pemikiran yang kreatif dan kritis. Pengamal-pengamal SPI SRI-SMI juga mesti dapat mewujudkan sistem yang terbaik untuk melahirkan *hafaz*/meningkatkan hafazan di kalangan pelajar-pelajar terpilih dalam sistem pendidikan yang ada (*accelerated learning*). Faktor paling kritikal yang mendepani pengamal-pengamal SPI SRI-SMI ialah pemilihan dan pentarbiyyahan guru supaya mereka juga akan mendokong aspirasi yang sama.

Bagaimanakah pula status ilmu 'aqli (dikenali sebagai ilmu utama di SRI-SMI) dalam konteks kurikulum yang ideal? Beberapa subjek dalam kumpulan ilmu utama ini boleh diletakkan dalam kumpulan ilmu teras seperti subjek-subjek Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik termasuk beberapa lagi yang perlu dikenalpasti. Selanjutnya, subjek dalam kumpulan teras ini hendaklah diwajibkan kepada semua pelajar. Di peringkat menengah atas, pengkhususan yang terdiri daripada sains tulen, vokasional, dan teknologi dan sains kemanusiaan boleh ditawarkan sebagai elektif mengikut kecenderungan pelajar. Walau apapun gabungannya, perlu ditegaskan di sini bahawa, penyampaian ilmu mestilah dari perspektif Islam (Islamisasi ilmu). Cadangan yang serupa mestilah difikirkan untuk menengah rendah dan sekolah rendah.

Terdapat beberapa faktor lagi yang menghalang keberkesanan pelaksanaan kurikulum. Berapakah peratusan pelaksanaan kurikulum iaitu guru-guru yang mengambil berat (komited) serta melakukan tindakan yang wajar terhadap kedua-dua ilmu teras dan ilmu utama berhubung dengan perancangan untuk perkara-perkara berikut:

- i) Perancangan tahunan dan harian
- ii) Matlamat dan objektif
- iii) Pedagogi
- iv) Pemantauan berterusan
- v) Penilaian formatif dan sumatif dalam bentuk teori, amali dan ruhi
- vi) Analisis dan tindakan susulan

Sekiranya enam perkara di atas diabaikan, di ambil mudah, atau di lakukan di saat akhir, keberkesanan dan pelaksanaan kurikulum adalah diragui. Perlu ditekankan bahawa perancangan mesti berlaku di peringkat jabatan, panitia, dan guru subjek, manakala kepimpinan sekolah hendaklah meletakkan ini sebagai prioriti dengan memberi penekanan kepada pertanggungjawaban dan pemantauan.

Idealisme SPI SRI-SMI akan lambat atau tidak tercapai sekiranya kurikulum di dalam bilik darjah sahaja yang dititikberatkan. Perkara yang serupa perlu dirangka/dirancang untuk program ko-kurikulum. Perancangan ini perlu dari segi pemilihan kelab atau persatuan yang bersesuaian bertujuan memantapkan pelaksanaan kurikulum di dalam bilik darjah. Kelab-kelab seperti Sains/Matematik/Komputer mestilah dirancang ke arah melahirkan bakal pereka/cipta dan pemikir, persatuan Bahasa Malaysia/Bahasa Arab/Bahasa Inggeris pula dirancang ke arah melahirkan tokoh pemidato dan pembahas/pendebat sebagai persediaan seorang da'i, kelab Media/Alam Sekitar/Sains Sosial perlu mempunyai objektif untuk mendekatkan pelajar dengan alam dan masyarakat supaya mereka menjadi insan yang lebih peka dan begitu jugalah sepatutnya

perancangan untuk *syabab/fatayat* yang sepatutnya diisi dengan modul *tarbiyyah* sementara perancangan untuk sukan dan permainan bertujuan untuk membina fizikal yang kuat, sihat dan mempunyai keazaman. Kelab-kelab seperti Taranum-Nasyid/Khatib-Bilal/Falak tidak ada sebab untuk tidak diwujudkan.

Perlu ditegaskan sekali lagi, perancangan, matlamat dan objektif, kaedah, pelaksanaan, pemantauan, dan penilaian untuk kesemua program ko-kurikulum yang ditawarkan mestilah disediakan dengan teliti dan di awal tahun. Perancangan yang mantap dan teliti akan menjadikan setiap pertemuan untuk program kurikulum dan ko-kurikulum menjadi lebih bermakna. Para pelajar akan sentiasa ternanti-nanti akan pertemuan (harian/mingguan) tersebut sementara guru-guru pula tidak akan menghadapi pelajar-pelajar yang ponteng, bosan, tidur, tidak membuat tugas dan sebagainya. Tidak dinafikan bahawa persediaan guru dari segi sahsiah dan kompetensi menjadi faktor yang membantu untuk mengelakkan timbulnya permasalahan di kalangan pelajar. Persediaan ini termasuklah kebolehan menanamkan dalam diri pelajar nilai-nilai Islam, dan semangat sentiasa cemerlang (persediaan untuk menjadi pemangkin kepada perubahan) dan yang paling utama ialah kebolehan untuk *empower* pelajar-pelajar supaya mereka berasa bertanggungjawab ke atas pembelajaran mereka sendiri. Di samping itu, kebiasaan yang menganggap bahawa P&P hanya dibatasi oleh silibus dan papan putih sahaja tidak akan memberi impak yang besar ke atas pelajar. Gabungan yang mantap di antara kedua-dua program pendidikan (kurikulum & ko-kurikulum) akan berjaya melahirkan generasi baru Islam yang akan merealisasikan falsafah dan matlamat SPI SRI-SMI, insya-Allah.

Realiti di hadapan

Dalam keghairahan untuk mencapai sesuatu yang ideal, SPI SRI-SMI dikejutkan oleh realiti bahawa dalam SPN penentuan kurikulum selain daripada yang ditetapkan akan menghadapi beberapa kesulitan. Selain daripada itu, terdapat faktor-faktor seperti kesediaan dan persiapan guru, ketiadaan buku teks dan modul pengajaran yang disampaikan dari perspektif Islam, slot masa dan waktu persekolahan yang tidak memungkinkan untuk menggunakan pedagogi yang terbaik dan berkesan di mana kesempatan untuk memberi kemahiran berfikir secara kreatif, kritis dan belajar untuk menjadi *intelligent* adalah terbatas serta faktor negatif luaran, akan menghambat usaha-usaha untuk merealisasikan idealisme.

Perbincangan di atas meletakkan SPI SRI-SMI pada satu persimpangan, sama ada terus gigih untuk merealisasikan kurikulum yang ideal dengan menggarap seluruh kekuatan untuk mengatasi kesulitan yang bakal ditempuhi seandainya kekangan yang wujud dalam SPN diabaikan, atau memanfaatkan fleksibiliti yang

wujud dalam SPN bertujuan untuk merapatkan jurang di antara kurikulum yang ideal dan realistik. Sebagai pencetus minda: Penyelesaian kepada penentuan kepada kurikulum mungkin dengan cara mewajibkan pelajar-pelajar menengah atas dalam SPI SRI-SMI mengambil pengkhususan *Syari'ah* yang ditawarkan dan digabungkan dengan elektif yang lain. Manakala halangan-halangan yang lain perlu ditangani bersama.

Wallahu'alam.